

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9802

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing
sehingga 31 December 2016.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 1,866,369 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan PLKS oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Pecahan mengikut sektor sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	JUMLAH (ORANG)
1.	Perkilangan	648,621
2.	Pembinaan	387,934
3.	Perladangan	268,478
4.	Pertanian	173,641
5.	Perkhidmatan	253,120
6	Pembantu Rumah Asing	134,575
JUMLAH		1,866,369

SOALAN (52)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 22 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

SOALAN :-

YB. Dato' Ahmad Fauzi Bin Hj Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah keberkesanan daripada program pengasingan sisa pepejal yang telah dilaksanakan sejak 1 Jun 2016 dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikenakan bagi mereka yang ingkar arahan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah bermula pada 1 Jun 2016 secara serentak di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis dengan melibatkan 53 buah kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bilangan premis yang terlibat adalah sebanyak 2,189,288 premis yang mana 1,651,906 merupakan premis bertanah dan 537,382 premis bertingkat.

Program pengasingan sisa pepejal di punca ini merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan amalan kitar semula di kalangan masyarakat selain daripada program kitar semula di peringkat pra-sekolah dan tadika, sekolah rendah dan menengah, Institusi Pengajian Tinggi, sektor Kerajaan, sektor swasta dan komuniti masyarakat.

Setakat ini sebanyak 1,546 tan sisa kitar semula telah dikumpul melalui kutipan berjadual yang telah ditetapkan dari rumah ke rumah bermula dari 1 Jun 2016 hingga 31 Januari 2017. Secara keseluruhan kadar kitar semula negara telah meningkat melebihi 2% setiap tahun.

Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang, kompaun merupakan langkah terakhir dan hanya akan diambil sekiranya masyarakat masih ingkar untuk melakukan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca. Sekiranya kompaun gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, maka pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membawa kes ini ke Mahkamah Sesyen dan jika didapati bersalah boleh didenda sebanyak RM1,000.00 (maksimum).

Berdasarkan penguatkuasaan yang dibuat bermula dari 1 Jun 2016 sehingga 31 Januari 2017, sebanyak 42 kompaun telah dikeluarkan kepada penduduk yang gagal membuat pengasingan sisa pepejal mengikut kategori yang ditetapkan dengan jumlah RM2,100.00.

Secara umumnya, menerusi pembudayaan amalan 3R yang menyeluruh termasuk Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca akan menyumbang kepada impak berikut:

- a) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- b) Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- c) Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- d) Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- e) Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan
- f) Mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017